

200 pelajar KUIM sertai Larian 10km Utusan Bangi

Oleh SAIFUL HAIZAN HASAM

NILAI 19 Julai - Seramai 200 pelajar baru Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) menyahut cabaran Larian 10km Utusan Bangi yang akan berlangsung pada 30 Julai ini dan jumlah itu merupakan penyertaan tertinggi institusi pengajian tinggi (IPT) setakat ini.

Bagi pelajar-pelajar itu, penyertaan mereka bukan untuk mengejar kemenangan semata-mata sebaliknya ingin menyahut cabaran pertandingan yang merupakan acara tahunan terkenal anjuran Kumpulan Utusan.

Pelajar jurusan Kaunseling, **Siti Nurhidayah Mohamed Isa**, 19, memberitahu, dia tidak menyangka berpeluang menyertai larian itu kerana hanya membacanya di akhbar sebelum ini.

Beliau berkata, walaupun teringin untuk mencuba namun hasrat itu tidak kesampaian kerana tinggal di Pahang, jauh daripada lokasi penganjuran.

"Selama ini saya baca dalam akhbar sahaja mengenainya, tidak sangka pula bila mendaftar di KUIM, saya berpeluang menjadi peserta.

"Saya akan cuba tamatkan larian dan saya akan jadikan acara ini sebagai permulaan untuk aktif



SITI NURHIDAYAH



MOHD. SHAFIEE



MUAZ ABDULLAH

kembali dalam kegiatan sukan kerana tubuh yang sihat dan cergas pasti melancarkan pembelajaran," katanya yang ditemui selepas Program Penggalakkan Sukan dan Kecergasaan KUIM 2006.

Pada program itu, Timbalan Rektor (Akademik dan Pengantarabangsaan), Profesor Datuk Dr. Mohamed Asin Dollah menyampaikan 200 borang penyertaan kepada Eksekutif Pemasaran Zon Tengah 3 *Utusan Malaysia*, Ahmaddin Mahmood.

Turut diadakan ialah klinik larian yang dikendalikan wakil Persatuan Olahraga Amatir Selangor, Nagoor Meera Abdullah.

Khairul Asmaq Mohd. Tabar, 19, berkata, acara itu amat dinantikan kerana sudah lama

tidak menyertai pertandingan sedemikian.

"Saya minat dengan acara sebegini dan sering menyertainya di peringkat sekolah dan daerah, namun kali ini ia berbeza kerana ia adalah acara tahunan yang besar.

"Penganjur juga bertindak proaktif dengan mengadakan klinik larian secara betul kerana ramai orang ambil mudah mengenainya," katanya yang merupakan pelajar jurusan Kaunseling.

Pelajar Pengajian al-Quran dan Multimedia, **Mohd. Shafiee Idris**, 19, berkata, beliau berharap untuk menamatkan larian sebaik mungkin menggunakan pengalaman menyertai larian Link Kedua, Johor Bahru yang sering



DR. MOHAMED Asin Dollah (kanan) menyerahkan 200 borang penyertaan Larian 10km Utusan Bangi 2006 kepada Ahmaddin Mahmood di KUIM Nilai, Negeri Sembilan, semalam.

disertainya.

"Saya sukakan cabaran, sudah tiga kali saya menyertai larian Link Kedua sejauh 20 kilometer, jadi saya berharap untuk menamatkan Larian 10km Utusan Bangi sebaik mungkin," katanya.

Bagi pelajar Pengajian Sunnah dan Pengurusan Maklumat, **Muaz**

Abdullah Habib, 19, walaupun tidak pernah menyertai mana-mana larian sebelum ini, beliau tetap menyahut cabaran untuk membuktikan kekentalan semangat pelajar KUIM.

Katanya, sebagai persediaan, beliau akan melakukan latihan ringan untuk mengelakkan sebarang kecederaan otot-otot.